

# Raikan rombongan SABATI

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG**, Isnin, 26 Ogos. - Rombongan Ahli-ahli Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-isteri (SABATI) yang dalam rangka Lawatan Muhibah selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam bermula hari ini diraikan pada Majlis Makan Malam oleh Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Majlis diadakan di Restoran Terindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh isteri Ketua Menteri Negeri Sarawak selaku Presiden SABATI, Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajah Juma'ani binti Tun Tuanku Haji Bujang dialu-alukan oleh Pengerusi II, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad.

Turut hadir, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Yang Berbahagia Puan Rosita Ismail.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi II Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad, kemudian diikuti dengan ucapan balas daripada Timbalan Pengerusi II, Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-isteri (SABATI), Yang Berbahagia Dato Hajah Dayang



SESI gambar ramai bersama Rombongan Ahli-ahli Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-isteri (SABATI) dengan Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Morlich binti Datuk Haji Awang Daud.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian cenderahati bagi pemenang perlawanan boling persahabatan yang diadakan pada sebelah petang di Pusat Utama Boling, Jalan Tutong.

Majlis turut diserikan dengan persembahan daripada kedua-dua pihak.

Lawatan Muhibah tersebut bertujuan untuk memupuk persahabatan dan mengeratkan silaturahim juga memberikan ruang perkenalan dengan Ahli-ahli Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

## Hidupkan sinergi di antara universiti dan masyarakat



**PENOLONG** Profesor Kanan, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA, Dr. Hakimah Yaacob.



**DAYANG** Fathin Athirah Atikah binti Haji Yussof, pelajar Tahun 2, Jurusan Fiqh dan Usul, Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

ramai terutamanya daripada golongan kanak-kanak untuk mengetahui betapa pentingnya doa sehari dalam hidup kita agar dapat di amalkan setiap hari," jelasnya.

Aplikasi yang dibuat ini ujarnya, memang sangat mudah untuk digunakan kerana ia boleh digunakan secara offline atau dalam erti kata lain, boleh digunakan tanpa menggunakan data selepas sahaja di muat turun.

Sementara Penolong Profesor Kanan, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKim) UNISSA, Dr. Hakimah Yaacob pula menjelaskan mengenai aplikasi yang dinamakan *Humane Trekker* (Haji and Umrah Management Trekker).

Aplikasi ini terangnya, adalah sistem teknologi maklumat yang memudahkan untuk mengurus dan menjejaki jemaah haji atau individu ketika menunaikan ibadah haji ataupun umrah selain memastikan agar Jemaah haji ataupun umrah sentiasa dalam keadaan yang selamat.


Aplikasi ini, jelasnya dihasrat untuk merevolusi dan memperkuatkan ibadah melalui teknologi.

Selain itu, beliau turut menyentuhkan mengenai aplikasi NFR-100 (Never Forget Raka'at) yang berkaitan dengan solat.

NFR100 atau Never Forget Raka'at Model 100 adalah produk yang membantu umat Islam melaksanakan Solat dengan penuh tumpuan (khusyuk). Telefon Pintar akan menunjukkan bilangan Raka'at yang dilakukan dari sentuhan dahi di sejadah menggunakan sistem *bluetooth*.

## Bantu kesan Mohammad Nur Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan, Mohammad Nur Islam, lelaki, berumur 31 tahun, pemegang pasport EA0187868, berbangsa Bangladesh.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Sengkurang melalui talian telefon +6732661904 / +673 2661906 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.

**MOHAMMAD** Nur Islam, lelaki, berumur 31 tahun, pemegang pasport EA0187868, berbangsa Bangladesh.

## DARI MAHKAMAH

### Padah curi penghawa dingin

Oleh : Nooraini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Seorang lelaki tempatan, Hasbollah bin Husaini, berusia 38 tahun, dijatuhkan hukuman lapan bulan penjara oleh Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret, di sini.

Terduduh yang tidak bekerja, didapati mencuri sebiji penghawa dingin 1.0 HP Window di sebuah rumah di Jalan Pemancha, Kuala Belait pada 17 Ogos 2019, jam 9.15 pagi.

Pendakwaan tertuduh djalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Syazwani binti Jumat di bawah Seksyen 379, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BERAKAS**, Isnin, 26 Ogos. - Pameran Mahrajan Hafal al-Takharrij Ke-9 (MHT9) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang bertemakan 'Memasyarakatkan Universiti' mengetengahkan peranan UNISSA dalam menghidupkan sinergi di antara universiti dan masyarakat sebagai usaha untuk mencapai kecemerlangan dan memenuhi visi UNISSA untuk menjadi Hab Pendidikan Tinggi Islam di Asia Tenggara.

UNISSA komited untuk menyumbang kepada pembangunan khaira Ummah melalui khidmat kepada

masyarakat khususnya dalam bidang kebajikan sosial dan pendidikan.

Dayang Fathin Athirah Atikah binti Haji Yussof, pelajar Tahun 2, Jurusan Fiqh dan Usul, Fakulti Syariah dan Undang-Undang ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, berkata membuat projek aplikasi yang dinamakan 'Islamic Daily Dua' adalah sebahagian daripada modul kursus yang diambil iaitu modul ICT.

"Solaras dengan konsep Negara Zikir Brunei Darussalam, kami sepakat memutuskan untuk membuat aplikasi yang dapat menarik minat dan perhatian orang